

Salah faham Australia dan Asean: Hawke yakin hubungan akan pulih

Bahan asal dari Akhbar
Negara Malaysia

CANBERRA, Rabu — Perdana Menteri Australia, Bob Hawke berkata hari ini, beliau berharap untuk menjalin semula persahabatan yang retak dengan Asean kerana pertikaian mengenai masalah Kampuchea.

Hawke yang berusaha untuk sebaik-baik semula dengan Asean berkata, beliau yakin hubungan antara negaranya dengan Asean akan bertambah baik tidak lama lagi.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Parlimen sebelum berlepas ke Bangkok dengan Menteri Luar Bill Hayden Jumaat ini untuk mengadakan rundingan di sana.

Perdana Menteri itu menjangka akan menemui pegawai-pegawai dari Singapura dan Malaysia untuk membincangkan isu Kampuchea apabila beliau menghadiri Sidang Kemuncak Komanwel di New Delhi minggu depan.



BOB HAWKE

Asean tidak berpusing hati dengan sikap Australia yang enggan turut menaja usul ketetapan Asean mengenai Kampuchea di Bangsa-Bangsa Bersatu baru-baru lalu.

Australia menyokong usul itu tetapi tidak mahu turut menjanya kerana berpendapat jika pihaknya berbuat demikian, ia bermakna mereka menyokong Khmer Rouge yang bersikap kejam ketika memerintah dulu.

Sokong

Hawke dan Hayden akan ke Bangkok dulu dan kemudian akan berlepas ke Indonesia sebelum ke New Delhi untuk menghadiri Sidang Kemuncak Komanwel. Di sidang itu nanti, beliau berharap akan dapat menemui para pemimpin Malaysia dan Singapura.

"Saya yakin dengan rundingan-rundingan yang telah diadakan, Asean akan dapat memahami pendirian Australia dan saya percaya hubungan yang baik sekarang akan bertambah erat lagi," kata Hawke kepada Parlimen.

Menteri Luar Singapura, Supiah Dhanabalan berkata sejurus membincangkan soal itu di Jakarta dulu bahawa Australia lebih memihak kepada Vietnam dengan tujuan untuk menyukakan hati mereka.

Kerajaan Australia menentang kenyataan itu dan Hawke memberitahu Parlimen hari ini bahawa lidah pengarang dalam akhbar-akhbar Australia menunjukkan tahap kematangan dan pemahaman yang tinggi terhadap dasar luar Australia.

Perdana Menteri itu mengecam parti pembangkang Liberal yang menuduh kerajaan pimpinan Hawke sengaja mengeneapkan kepentingan dan pandangan negara-negara Asean.

Hawke berkata, Parti Liberal telah mendapat sahabat baru apabila beliau membacakan satu kenyataan satu siaran Khmer Rouge yang menyebut Australia bersikap seperti sebuah negara "jahat".

Pertikaian Asean dengan Australia bertambah tegang ketika negara-negara anggota Asean menggantung dialog tahunan dengan Australia setelah Hayden mengumumkan di Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai pendirian Australia mengenai soal Kampuchea.

Kedua-dua ini meruncing apabila Hayden dan beberapa pemimpin Asean berbalas kenyataan. — Agensi.